

Headline	Mohmed Ibbabiram tawar lebih 30 jenis ikan masin		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jan 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,073
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,219



Mohmed Ibbabiram tawar lebih 30 jenis ikan masin

Jika mahu ke Kuala Selangor, bolehlah singgah ke Pasar Basah Sungai Buloh-Sasaran, di sini untuk membeli lebih 30 jenis ikan masin yang diusahakan anak Melayu, Mohmed Ibbabiram Ariffin, 38.

Pelbagai jenis ikan masin dijual termasuk ikan bilis cermin, sepat, kembung, gelama dan tenggiri di ruang niaga dalam lot pasar basah itu yang dibuka bermula jam 7 pagi sehingga 6 petang.

Bagi Mohmed Ibbabiram, minat yang mendalam dalam dunia perniagaan mendorongnya meneruskan perusahaannya selepas tamat sekolah.

"Asalnya bapa saya dulu seorang nelayan dan sambil-sambil tu, jual ikan masin dan bila saya habis sekolah, saya terus bantu jualan ikan masin dengan menambah jenis stok untuk pilihan pelanggan.

"Dari kecil-kecilan sampailah lebih 30 jenis ikan masin dapat kami jual untuk pelanggan," katanya yang turut berniaga di Pasar Tani Tasik Puteri dan Bukit Sentosa.

Anak sulung



Mohmed Ibbabiram menunjukkan sebahagian ikan masin yang dijual di Pasar Basah Sungai Buloh-Sasaran.



Aneka ikan masin yang ditawarkan di gerai Mohmed Ibbabiram.



dari tujuh beradik itu tidak terkecuali berdepan cabaran dalam dunia perniagaan namun menjadikan semua itu sebagai pencetus semangat untuk terus berjaya.

"Sekarang ni, saya berpusat di Pasar Basah Sungai Buloh-Sasaran dan

turut menggalakkan pembeli membeli dengan harga borong dengan harga lebih menjimatkan.

"Kadang-kadang nak kata untung pun, ikut nasib juga sebab pasar ni hanya ramai pengunjung bila cuti hujung minggu dan harga yang saya tawarkan berpatutan.

"Sudah 17 tahun saya berkecimpung dalam jualan ikan masin ni dan sedikit

sebanyak memberi banyak pengalaman dan pada masa sama, kena jaga kualiti ikan masin ni supaya pelanggan terus datang.

"Bagi saya, apa pun jenis perniagaan yang dibuat mestilah kena ada minat supaya bisnes bertahan lama dan paling penting, kena pandai ambil hati pembeli," katanya.